

22/03/1997

Mesyuarat Exco waktu malam

Rashidi Karim

KANGAR, Jumaat - Semua urusan pentadbiran negeri yang ada kaitan dengan keputusan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, kini dibincangkan pada waktu malam.

Ini termasuk mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan mesyuarat jawatankuasa lain yang berkaitan dengan pentadbiran negeri.

Shahidan berkata, perubahan itu bagi membolehkan beliau menumpukan perhatian terhadap projek pembangunan negeri, termasuk bertemu dan berbincang dengan pelabur pada waktu siang.

Menurutnya, langkah itu adalah selaras dengan kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meminta beliau menumpu perhatian kepada projek pembangunan, ketika melawat negeri ini Sabtu lalu.

"Saya akan memberi lebih masa kepada pelabur yang berminat menanam modal di negeri ini dan mereka boleh berjumpa saya pada bila-bila masa bagi tujuan itu," katanya di sini, hari ini.

Rabu lalu, Mesyuarat Exco yang sebelum ini berlangsung pada waktu siang iaitu jam 9 pagi hingga 1 tengah hari, mula diadakan pada waktu malam.

Menjawab soalan, Shahidan berkata, beliau terpaksa mengambil pendekatan itu demi menjamin pembangunan negeri ini yang mana tanggungjawab itu sangat berat.

"Saya akan mengundurkan diri sebagai Menteri Besar sekiranya sudah tidak mampu memikul amanah dan tanggungjawab kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri sudah mengamalkan pendekatan itu sejak sekian lama dan tidak hairanlah Malaysia boleh maju dan dikenali dunia dalam pemerintahannya sekarang.

(END)